

21 SEP 1998

SAYA TAK TERKEJUT, KATA PAK LAH

WASHINGTON, 21 Sept (Bernama) -- Naib Presiden UMNO, Datuk Abdullah Ahmad Badawi berkata bahawa beliau tidak terkejut mendengar berita penangkapan bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim ekoran tindak-tanduknya sejak dilucutkan dari jawatan kerajaan dan dipecat dari UMNO.

Abdullah yang juga Menteri Luar, ketika dihubungi melalui telefon dari New York, berkata tindakan polis itu menunjukkan tiada siapa boleh dikecualikan daripada penguatkuasaan undang-undang negara.

Abdullah yang kini berada di New York untuk menghadiri perhimpunan agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dari 21 Sept hingga 4 Okt, menyatakan rasa dukacitanya dengan berita adanya anak-anak muda yang merusuh dan merosakkan harta benda di bangunan ibu pejabat UMNO.

"Nampaknya Anwar terlalu marah kepada UMNO dan Perdana Menteri sehingga sanggup menghasut anak-anak muda supaya merusuh. Ini suatu perbuatan yang tidak bertanggungjawab. Apakah kestabilan politik negara perlu digoncangkan kerana Anwar tidak berpuas hati setelah dipecat dari kerajaan dan parti?" tanya beliau.

Katanya, Anwar tidak perlu menghasut anak-anak muda untuk merusuh bagi menyokong pendiriannya kerana Malaysia mengamalkan demokrasi.

Anwar boleh menyertai mana-mana parti pembangkang sekiranya beliau mahu menentang Dr. Mahathir Mohamad dan kerajaan secara demokrasi, bukan dengan cara melanggar undang-undang negara, kata beliau.

"Kes Anwar akan diadili di mahkamah dan rakyat akan tahu kesalahan yang menyebabkan beliau dituduh," kata Abdullah.

-- BERNAMA
SH NMO